

CTING
THROUGH

ssReader
delivers an endless
news stories to
and share. Get full
ands of top
d magazines just
in print. [Read](#)

he App



h Us
ons for [businesses](#)

Anak syarikat FGV dapat kontrak RM18.3j daripada MSM Sugar

Utusan Borneo (Sarawak) 9 Oct 2016 +1 more

KUALA LUMPUR: FELDA Engineering Services Sdn Bhd (FESSB), anak syarikat FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) memperoleh kontrak bernilai RM18.3 juta daripada MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd.

Sebanyak 51 peratus pegangan FESB dimiliki FGV dan 49 peratus oleh Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Bhd.

MSM Sugar Refinery Johor

adalah anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin, FGV berkata, kontrak itu melibatkan pembinaan dan pemasangan bangunan utiliti, termasuk rumah kuasa, rumah dandang, pencawang Tenaga Nasional Bhd dan bangunan tambahan serta kerja-kerja berkaitan lain.

“Tempoh kontrak itu ialah 14 bulan mulai 7 Oktober 2016,”

katanya.

FGV berkata, kontrak itu dijangka menjana tambahan 10 peratus daripada pendapatan sasaran tahunan yang akan disumbangkan balik kepada Kumpulan FGV,” katanya. — Bernama

Write a comment...



Share



Comment



Save to Co...



More



Bump it



Dump it